

**NO. SOALAN : 124**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. DATUK ROZAMAN BIN ISLI  
[ LABUAN ]**

**SOALAN :**

**YB. Datuk Rozman bin Isli [ Labuan ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah perancangan dalam masa terdekat ini untuk menaik taraf muzium-muzium yang ada di Labuan terutamanya Muzium Labuan dan Muzium Marin memandangkan Perbadanan Labuan meningkatkan usaha menjadikan pelancongan sebagai industri utama pulau bebas cukai tersebut.

**JAWAPAN :**            **DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Jabatan Muzium Malaysia sentiasa menjalankan aktiviti permuziuman bagi menarik lebih ramai pelawat di Muzium Labuan dan Muzium Marin Labuan. Statistik jumlah pengunjung kedua-dua muzium tersebut adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Bilangan Pengunjung</b>
2012	202,717
2013	170,821
2014	192,390
2015	209,151

Projek menaik taraf struktur hiasan dalaman, peragaan pameran tetap dan kerja-kerja berkaitan di Muzium Labuan telah dilaksanakan pada tahun 2012 dan 2013. Manakala kerja-kerja menaik taraf sistem dan peralatan akuarium di Muzium Marin Labuan telah dilaksanakan pada 2014. Jabatan Muzium Malaysia juga berhasrat untuk mempunyai sebuah Muzium Marin yang kekal dan telah mengenal pasti tapak di Kampung Layang-Layang namun penubuhannya adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan yang diluluskan oleh kerajaan.

Sekian, terima kasih.